

TIEH LO HONG QIANLI ZHUIFENG MEDICATED OIL

Turpentine oil / Methyl salicylate / Peppermint oil / Cinnamom leaf oil (21.5% w/w , 19.0% w/w , 6.8% w/w , 4.0% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil?
2. Bagaimana Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil berfungsi?
3. Sebelum menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil
4. Cara menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil
5. Semasa menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil?

Ia digunakan untuk melegakan sakit otot ringan hingga serdehana, sakit reumatik, lebam dan terseliuh.

Bagaimana Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil berfungsi?

Ia mengandungi minyak turpentin, methyl salicylate, minyak pudina dan minyak daun kayu manis yang dirumus sebagai minyak ubat untuk kegunaan luaran. Ia mempunyai kesan kehangatan dan analgesik yang boleh membantu melegakan kesakitan dan terseliuh.

Sebelum menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil

- Bila tidak boleh menggunakan

Ibu mengandung dan menyusukan anak
Jangan gunakannya semasa anda alah kepada sebarang bahan dari minyak ubat ini. Produk ini mengandungi methyl salicylate dan apabila disapukan atau disapu ke kulit dapat diserap melalui kulit ke dalam darah. Bagi pesakit yang menggunakan warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan kemungkinan pendarahan. Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh diambil secara oral.

- Sebelum menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil

Ia boleh menyebabkan tindak balas alergi kepada sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitive. Sebelum menggunakannya, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan berbanding dengan ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan sebarang ubat lain.

Cara menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan minyak ubat dan urut ; tidak melebihi 3 kali sehari. Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda.

- Bila perlu digunakan

Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil harus digunakan apabila diperlukan tetapi tidak melebihi 3 kali sehari..

- Berapa lama perlu digunakan

Guna apabila diperlukan atau mengikut nasihat perubatan professional. Sekiranya gejala tidak bertambah baik, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan minyak pada bahagian yang terlibat apabila perlu sebaik sahaja anda teringat semula.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda telah menggunakan minyak ubat ini berlebihan dos, segera hubungi doktor anda atau Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, bawa minyak yang tinggal bersama anda.

Kelebihan dos mungkin boleh mengakibatkan keredangan kulit. Penggunaan berlebihan mungkin menyebabkan kerengsaan kulit.

Tertelan linimen boleh menyebabkan gejala gastrousus seperti muntah dan cirit-birit.

Semasa menggunakan Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng Medicated Oil

- Perkara yang perlu dilakukan

Pada mulanya sapukan sedikit pada bahagian kulit yang terhad dan perhatikan sama ada terdapat ketidakselesaan atau kegatalan sebelum disapukan pada bahagian kulit yang lebih luas. Hentikan penggunaan jika timbul kerengsaan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan terkena mata dan selaput lendir.

Jangan sapukan pada luka atau kulit yang cedera .

Elakkan penggunaan berlebihan semasa mengandung atau menyusui.

Jangan sapukan pada bahagian badan yang besar atau pembalut atau gunakan dengan pad pemanasan.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan minyak ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena mata.

Jangan sapukan pada luka atau kulit yang cedera.

Jauhi dari capaian kanak-kanak.

Untuk kegunaan luar sahaja.

Kesan-kesan sampingan

Reaksi kulit sementara seperti kemerahan, sensasi terbakar, dan ruam mungkin berlaku. Kes kulit terbakar pada kawasan sapuan telah dilaporkan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan
Tieh Lo Hong Qianli Zhuifeng
Medicated Oil

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.
Simpan di bawah suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Minyak berwarna coklat gelap dengan bau aromatik.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Minyak turpentine 21.5%w/w,
Methyl salicylate 19.0%w/w,
Minyak pudina 6.8%w/w, Minyak
daun kayu manis 4.0%w/w

Bahan tidak aktif
Minyak galian

- Nombor MAL

MAL xxxxX

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk

WTH Pharmaceutical Sdn Bhd
11-A, Lintang Beringin Satu,
Diamond Valley Industrial Park,
11960 Batu Maung,
Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

7/8/2025

Nombor siri:

NPRA (R2) 25/138